

NO. SOALAN :24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 24 MAC 2015 (SELASA)

DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan langkah-langkah bagi memastikan harga barang makanan utama tidak dinaikkan dengan sewenangnya berikut pelantikan Penghulu-Penghulu sebagai Pegawai Pemantau Harga.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Penghulu/Penggawa adalah orang yang paling rapat dengan masyarakat dan di sinilah letaknya peranan Penghulu/penggawa sebagai orang perantaraan di antara kerajaan dengan rakyat dan Penghulu/penggawa amat memahami dengan sejelas-jelasnya tentang corak, bentuk dan aspirasi masyarakat setempat. Penghulu/penggawa selalu berdamping rapat dengan masyarakat di bawah pentadbirannya kerana dengan cara demikianlah ia dapat memainkan peranannya dengan lebih berkesan.

Justeru itu, mulai 1 November 2000 penurunan kuasa di bawah akta-akta tertentu yang dikuatkuasakan oleh Kementerian ini telah membolehkan Penghulu dan penggawa melaksanakan pengawasan dan kawalseliaan ke atas peniaga yang tidak beretika atau melakukan penyelewengan di kawasan masing-masing.

Penurunan kuasa ini adalah terletak di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011, Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Timbang dan Sukat 1972 di mana penghulu dan penggawa ini telah diwartakan dan dilantik sebagai Penolong Pengawal Harga, Penolong Pengawal Bekalan dan Inspektor Timbang & Sukat melalui akta-akta tersebut dan **bukannya sebagai Pegawai Pemantau Harga.**

Berikutan daripada itu, bagi memperkemas dan mengukuhkan objektif penurunan kuasa ini, Bahagian Penguatkuasa merasakan keperluan untuk memberi latihan dan meningkatkan kefahaman penghulu dan penggawa kepada perkara-perkara berkaitan kuasa dan undang-undang serta latihan secara praktikal jaitu pemeriksaan di

lapangan bersama-sama pegawai-pegawai penguatkuasa di Pejabat KPDNKK Negeri/Cawangan/Daerah.

Penghulu dan Penggawa telah dilatih melalui sesi taklimat perundangan dan membuat pemeriksaan di lapangan bersama-sama dengan pegawai-pegawai penguatkuasa di pasar-pasar basah, pusat-pusat perniagaan atau kedai-kedai runcit setempat berkaitan akta-akta yang dikuatkuasakan.

Kaedah pengawasan dan kawalseliaan ke atas peniaga tidak hanya tertumpu kepada pendekatan yang tegas, tanpa tolak ansur dan tanpa budi bicara semata-mata. Dalam persekitaran perniagaan masa kini di mana para peniaga kebanyakannya mempunyai pengetahuan kepada undang-undang yang dikuatkuasakan, tindakan secara ‘mempermudah cara’ melalui khidmat nasihat, rujukan dan tunjuk ajar kepada para peniaga berkaitan kesalahan boleh dilaksanakan oleh penghulu/penggawa.

Penggunaan kaedah mempermudah cara ini adalah berdasarkan kepada kapasiti penghulu/penggawa sebagai orang yang berpengaruh di kawasan/tempat di bawah kawalan penghulu/penggawa dan ianya didapati sangat sesuai dan berkesan dilaksanakan oleh pihak penghulu/penggawa. Melalui pendekatan ini diharapkan para perniaga di kawasan setempat akan dapat menerapkan kaedah kawalan kendiri selaras dengan kehendak peraturan dan perundangan yang berkuatkuasa.

Melalui pendekatan penguatkuasaan ini secara tidak langsung akan membina dan memupuk amalan pematuhan secara kawalan kendiri oleh peniaga di mana ianya adalah lebih fleksibel dan bertolak ansur. Di samping itu, adalah diharapkan ianya akan mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih baik di mana semua peniaga-

peniaga di kawasan seliaan penghulu/penggawa akan patuh kepada kehendak undang-undang dan peraturan di atas kesedaran mereka sendiri dan beretika dalam urusan perniagaan.